

## **Muzikal Perdana: Perdana Menteri Malaysia dalam Teater Muzikal di Istana Budaya**

**Abdul Walid Ali (Walid Ali)<sup>1</sup>, Madzlan Abet<sup>2</sup>, Muhammad Faisal Ahmad<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sarawak UNIMAS, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Kota Samarahan, 94300, MALAYSIA

<sup>2</sup>Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, 21300, MALAYSIA

<sup>3</sup>Faculty of Music and Performing Arts UPSI, Tanjung Malim, 35900, MALAYSIA

\*abdulwalidali@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.022>

Received 10 May 2021; Accepted 8 June 2021; Available online 25 June 2021

**Abstrak:** Muzikal berkaitan tokoh politik di Istana Budaya telah mendapat tempat sejak 2007 ketika Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaannya yang ke-50. Perkara ini difikirkan bersesuaian oleh kepimpinan negara pada waktu itu. Pertambahan jumlah karya muzikal tokoh politik ini memberi indikasi bahawa satu trend baharu telah terhasil dan bergerak seiring dengan zaman kegemilangan muzikal dari syarikat produksi Puan Sri Tiara Jacquelina. Sambutan terhadap pementasan berkaitan tokoh politik mula menurun pada tahun 2012 atas beberapa faktor. Dalam kajian berkaitan muzikal Perdana Menteri ini, Tun Siti Hasmah the Musical (2012) tidak disenaraikan kerana beliau tidak memegang jawatan sebagai menteri. Penyelidikan kualitatif ini memberi tumpuan kepada muzikal tokoh politik sebagai tema. Beberapa faktor membuat persembahan dan bentuk persembahan muzikal Perdana Menteri dianalisis berdasarkan maklumat jadual pementasan Istana Budaya di antara tahun 2007 dan 2011. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendokumentasikan persembahan sebegini dan akan membantu dalam penyelidikan lebih lanjut di masa depan. Penurunan penonton pada tahun 2012 dan tema baru dalam persembahan teater di Istana Budaya juga dilihat dalam kajian ini.

**Kata Kunci:** Teater Muzikal Malaysia, Ahli Politik, Teater, Istana Budaya, Perdana Menteri Malaysia

**Abstract:** Musicals related to political figures at Istana Budaya have been gaining ground since 2007 when Malaysia celebrated its 50th independence anniversary. The country's leadership considered this appropriate at the time. The increase in the number of musical works of these political figures shows that a new trend has emerged and is moving in line with the musical heyday of the production company Puan Sri Tiara Jacquelina. Response to staging related to political figures declined in 2012 because of several factors. In this study related to the Prime Ministers musical, Tun Siti Hasmah the Musical (2012) is not listed because she does not hold a post as

\*Corresponding author: abdulwalidali@gmail.com

2021 UTHM Publisher. All rights reserved.

[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs)